



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 September 2021  
17 Safar 1443h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan beli dadah di tengah laut</li><li>• 123 nelayan terjebak najis dadah di Johor</li></ul>
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		2	24/09/2011

Ada juga menjadi transporter guna bot seludup bahan terlarang dari Indonesia

## Nelayan beli dadah di tengah laut

Oleh WARTAWAN KOSMO!

**JOHOR BAHRU** – Keinginan untuk mendapatkan tenaga tambahan selain mengelak daripada rasa mengantuk mendorong segenitir komuniti laut terutama nelayan mendapatkan bekalan dadah daripada pengedar yang beroperasi di atas bot.

Difahamkan, pengambilan dadah dalam kalangan nelayan dianggap sebagai satu ‘keperluan’ bagi memastikan mereka terus berkenaga selama berada di tengah laut untuk menangkap ikan.

Situasi itu bagaimanapun telah memberi ‘idea’ baharu kepada sindiket pengedaran dadah untuk menjadikan nelayan-nelayan ini sebagai pelanggan tetap menerusi proses jual beli yang dilakukan di atas bot.

Sumber memberitahu, wujud + dakwaan bahawa berlaku bincang dadah di atas air yang menggunakan bot-bot nelayan di sekitar perairan Johor bermula dari Mersing hingga ke Muar.

Katanya modus operandi yang digunakan sangat mudah faitu perbelanjaan iaitu nelayan nanya perlu membuat tempahan kepada ejen sebelum bekalan dadah dihantar ke lokasi tertentu.

Menurutnya, aktiviti perda gangan haram ini dikatakan sering berlaku di persisiran pantai yang mempunyai komuniti laut yang lebih tinggi termasuk Mersing, Pontian, Iskandar Puteri serta Baru Pahat dan Muar.

“Tidak dinatakan memang ada segenitir nelayan di negeri ini dikatakan terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah sama ada menjadi pengedar atau penagih.

“Biasanya, nelayan akan turun ke laut dalam tempoh yang agak lama untuk menangkap ikan.

“Jadi mereka perlu bekerja



**ANTARA** bot yang ditakrifkan polis selepas olahraga di gunakan oleh sindiket untuk menjalankan aktiviti pengedaran dadah di perairan Johor.

keras dan untuk dapatkan tenaga ‘extra’, mereka memilih menghisap dadah,” kata sumber ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas mengenai isu itu, Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay turut tidak menolak kemungkinan wujud aktiviti berkenaan memandangkan pengedar atau penagih mempunyai pelbagai taktik dan helah dalam urus niaga dadah.

Menurutnya, meskipun belum ada tangkapan melibatkan aktiviti jualan dadah di atas bot-bot nelayan, namun pihaknya akan meneliti selain melakukan siasatan serta risikan terhadap dakwaan ini.

Berdasarkan maklumat dan siasatan ke atas pengedar dadah



**AKTIVITI** pengedaran dadah di perairan negara masih berlaku disebabkan wujudnya permintaan daripada sesetengah pihak.

terutamanya melibatkan nelayan yang jadi pengiklan atau transporter, mereka mengaku pelbagai kaedah yang digunakan untuk menjalankan aktiviti haram itu.

“Pada kebiasaananya, mereka (nelayan) mengambil dadah jenis syabu, heroin dan ganja. Dadah jenis ini merupakan peransang kepada tubuh badan manusia untuk jadi kuat dan tahan me-

ngantuk ketika bekerja,” katanya.

Dalam pada itu, Ayob Khan turut mendedahkan, terdapat segenitir nelayan yang melibatkan diri sebagai transporter kepada sindiket pengedaran dadah.

Menurutnya, mereka diberi upah untuk membawa dadah yang siap dibungkus sebelum dihantar atau dibawa masuk



**DADAH** jenis syabu antara yang menjadi pilihan nelayan.

dari Indonesia.

Upah kerja ‘part time’ ini sangat lumayan antara RM500 atau RM1,000 sekali bawa. Ingat banyak, trip lagi banyak pulangan komisen yang dapat.

Kadar upah ini bergantung kepada berat dadah yang dibawa transporter berkenaan.

“Berlaku urus niaga dimana juga dadah di transit ci atas bot transporter dengan tekong laut Indonesia yang sudah meninggu ke laut yang malu di eksport atau import.

“Urus niaga ini berlaku di tengah laut iaitu sempadan perairan antarabangsa Malaysia-Indonesia atau berpusat ke lokasi yang ditetapkan.

“Modus operandi digunakan ada dua sama ada belahan dadah didekar secara dari tangan ke tangan atau mencampurkan bungkusun ke dalam laut yang sudar diikat dengan pemberat atau pelampung dan akan diambil oleh rangkaian sindiket yang lain,” katanya.

Ayob Khan berkata, aktiviti pengedaran dadah antarabangsa tidak ada pasang surut kerana aktiviti jenayah ini bergantung kepada permintaan dan penawaran (*demand and supply*), tidak kira sama ada ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau tidak.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		2 24/09/2021

## 123 nelayan terjebak najis dadah di Johor

**JOHOR BAHRU** — Seramai 123 nelayan di negeri ini ditahan selepas disyaki terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah sepanjang tempoh Januari hingga September tahun ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, tangkapan itu membabitkan komuniti laut di lima daerah negeri dengan melibatkan 107 kes.

Menurutnya, daerah Mersing mencatatkan angka tangkapan tertinggi laju 55 individu diikuti Pontian (28), Kota Tinggi (15), Muar (13) dan Iskandar Puteri dengan 12 tangkapan.

"Sepanjang tahun ini, polis Johor berjaya menahan 123 komuniti laut melibatkan individu berusia antara 20 hingga 55 tahun.

"Mereka ditahan atas pelbagai kesalahan penyalahgunaan dadah termasuk menghisap dadah dan menjadi pengedar.

"Ada juga individu yang ditanah kerana menjadi transporter kepada sindiket penyeludupan dadah," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Ayob Khan berkata, polis Johor tidak akan berhenti melaku-

kan pemantauan, risikan serta penyiasatan ke atas mereka yang terlibat dalam kancan dadah.

"Saya ingin memasihatkan agar individu yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan dan penyalahgunaan naiks dadah ini untuk berhenti segera kerajaan polis tidak akan bertolak ansur dengan sesiapapun yang terlibat," tegasnya.



AYOB KHAN